



Peladang HeiTech Sdn Bhd (370485U)

(Registered with Ministry of Finance, Malaysia-Registration No. 357-01007926)

501, Blok A, Kelana Centre Point, No. 3, Jalan SS7/19,

Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

[03-78054394/95](tel:03-78054394) fax [03-78054715](tel:03-78054715) E-mail: mejapht@yahoo.com.my

Skype id: mejapht (Kelana Jaya) , mejapht1 (Sungai Petani)

Rujukan Kami :

Rujukan Tuan :

Tarikh : 10hb. Disember 2009

Pengurus Besar

Pertubuhan Peladang Kawasan

Tuan/Puan,

**PER: PROMOSI ZULHIJAH 5 - PENGHANTARAN BERJADUAL PERCUMA MUSIM
KEDUA : DOKUMEN, PRINTER & SEMUA PRODUK PHT KE SELURUH PPK
SEMENANJUNG BERMULA 04 JANUARI 2010 - 05 FEBRUARI 2010**

Merujuk kepada perkara di atas, lanjutan daripada kesetiaan seluruh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk melanggan dokumen, printer dan produk-produk Peladang Heitech Sdn. Bhd. (PHT), kami dengan berbesar hati ingin menawarkan Promosi Zulhijjah 5 - Penghantaran Berjadual Percuma Produk-produk PHT ke seluruh PPK di Malaysia.

2. Melalui promosi yang telah kami lancarkan bermula dari Bulan Rejab tahun ini telah berlaku peningkatan belian PPK. Semua produk-produk PHT yang dipesan telah pun dihantar segera mungkin kerana pihak PHT sedang berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian dalam proses penghantaran pesanan.

3. Lanjutan dari kesetiaan dan peningkatan langganan produk-produk PHT, kami sekali lagi ingin menawarkan **Promosi Pakej Penghantaran Berjadual PERCUMA**. Tempoh yang kami tetapkan bermula dari **04hb. Januari hingga 05hb. Februari 2010**. Ini adalah bertujuan untuk menzahirkan penghargaan pihak PHT kepada seluruh PPK.

4. [REDACTED] Sehubungan ini, kami berharap agar pihak PPK dapat membuat **Pesanan Belian** untuk semua produk PHT dalam tempoh promosi iaitu bermula dari **15hb. November hingga 31hb. Disember 2010**. Hanya Pesanan Belian yang diterima dalam tempoh ini layak untuk menikmati Promosi Zulhijjah 5. Pesanan Belian yang diterima lewat dari tempoh ini akan dihantar pada tempoh penghantaran yang seterusnya dan akan dikenakan caj Pos Laju seperti biasa.

5. Bagi PPK yang jauh dari jalan utama, penghantaran percuma akan dibuat ke Pejabat Penyelia Daerah (PPD) yang berhampiran. Sila hubungi kerani PPD berkenaan untuk mendapatkan barangan yang akan dihantar nanti.

6. Tarikh untuk penghantaran percuma ini akan disusun mengikut negeri dan daerah, kemudian pihak PHT akan memaklumkan kepada PPK yang berkenaan bilakah tarikh yang telah ditetapkan untuk penghantaran (Berdasarkan tempoh penghantaran yang telah ditetapkan). Pembayaran semasa menerima penghantaran, juga boleh terus secara tunai atau cek kepada pihak PHT melalui persediaan awal pembayaran yang telah dibuat sebelum pihak PHT berangkat ke PPK/PPD. Pembayaran dalam tempoh 21 hari dari tarikh invoice akan melayakkan PPK mendapat 20 buah buku ahli secara percuma.

7. Melalui Promosi Zulhijjah 5 ini, kami berharap agar pihak PPK/PPN akan terus melanggan dan berjimat dengan membuat pesanan belian dalam tempoh jadual penghantaran yang akan kami aturkan dimasa akan datang. Sekiranya ada sebarang pertanyaan atau masalah sila hubungi Hairil Syahronni (017-6794769) atau Noor Ashikin (012-2970846) serta bolehlah melayari laman web kami www.pheitech.com.my untuk melihat tawaran terkini dan memberi komen dan maklumbalas melalui “Sembang PHT” secara online.

TEMPOH MASA PENGHANTARAN PERCUMA	KAWASAN PPK	TEMPOH MASA PESANAN BELIAN DITERIMA	NEGERI TERLIBAT
04 JANUARI - 08 JANUARI 2010	UTARA	15 NOV – 31 DIS 2009	SELANGOR, PERAK, PENANG, KEDAH, PERLIS
18 JANUARI - 22 JANUARI 2010	SELATAN	15 NOV – 31 DIS 2009	SELANGOR, N. SEMBILAN, MELAKA, JOHOR
01 FEBRUARI – 05 FEBRUARI 2010	PANTAI TIMUR	15 NOV – 31 DIS 2009	SELANGOR, PAHANG, TERENGGANU, KELANTAN

Sekian, terima kasih.

“Selamat Tahun Baru”

Yang benar,



(HAJI AHMAD PUZI BIN ABU BAKAR)
Ketua Pegawai Esekutif PHT/PPB

- s.k.
- Ketua Pengarah LPP
 - Pengarah LPP Negeri
 - Pegawai-Pegawai Penyelia Daerah PPD di Perak dan Johor
 - Pengurus Besar PPK Inanam, (Stokis Sabah)
 - Pengurus Besar PPK Kangkong (Stokis Kaw. Pantai Timur)
 - Pengurus Besar PPK Kubang Sepat (Stokis Kaw KADA)
 - Pengurus Besar PPK H2 MADA (Stokis Kaw. MADA)
 - Pengurus Besar PPK Kuching (Stokis Sarawak)